



KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA

PEKERJA MAUT: SYARIKAT PEMASANG DAN MEROMBAK PERANCAH
DIDENDA

Kuala Lumpur, 6 Ogos – Sebuah syarikat pemasang dan merombak perancah hari ini telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Jenayah 12 Kuala Lumpur, selepas mengaku bersalah atas kesalahan sebagai majikan, gagal memastikan keselamatan, kesihatan dan kebijakan pekerjanya semasa bekerja dengan tidak menyediakan pelantar kerja, bagi menjalankan aktiviti kerja merombak pelantar tадah. Hakim, Puan Manira binti Mohd Nor telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda sebanyak RM 20 000.00.

Syarikat Navin Scaffolder Services ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Kesalahan yang dilakukan pada 9 April 2018, di tapak pembinaan di Seksyen 98, Kuala Lumpur ini telah mengakibatkan seorang pekerja warga Indonesia iaitu Hasyim Asari, maut akibat terjatuh dari Aras 2 ketika menjalankan kerja tersebut.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa dari JKWP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, iaitu Encik Abdul Rahim bin Sabri. Siasatan terhadap kes pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Encik Zulkhairi bin Zainol.

###

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya